

07/12/1999

Rakyat utamakan kestabilan, kemakmuran negara

Nazar Abdul

KEMENANGAN Barisan Nasional (BN) dengan 148 kerusi Parlimen dalam pilihan raya umum 1999 membuktikan rakyat masih mahukan gabungan 14 parti itu terus memerintah negara untuk lima tahun akan datang.

Mereka tetap memberi sokongan padu kepada pucuk pimpinan BN dan kerajaan untuk meneruskan kesinambungan usaha memelihara kestabilan politik dan ekonomi yang dinikmati selama ini serta meningkatkan usaha di bidang pembangunan.

Pensyarah Jabatan Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Safar Hasim, berkata rakyat Malaysia sebenarnya inginkan kerajaan yang kuat untuk terus memerintah negara ini.

Pengundi dikatakan membuat pilihan untuk memberi BN mandat lebih dua pertiga majoriti walaupun terpaksa menghadapi senario politik yang mencemaskan berikutan penyingkiran bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dari Umno dan kerajaan.

Kemenangan BN yang membanggakan secara keseluruhannya juga menunjukkan majoriti pengundi menolak pakatan pembangkang khususnya barisan alternatif yang dianggotai Pas, DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) dalam usaha menumbangkan kerajaan BN atau menafikan majoriti dua pertiga.

Walaupun barisan alternatif berusaha dengan pelbagai cara termasuk memeralatkan agama Islam seperti dilakukan Pas untuk meraih simpati dan sokongan pengundi, kemenangan BN membuktikan ia masih popular dan menjadi pilihan kebanyakan rakyat.

Kejayaan cemerlang BN juga membuktikan sokongan padu rakyat pelbagai kaum terhadap usaha kerajaan BN pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk terus memajukan negara dan membawa Malaysia melangkah ke alaf baru dengan penuh semangat dan keazaman.

Keputusan pilihan raya kali ini juga menunjukkan rakyat Malaysia mengutamakan kestabilan dan kemakmuran negara serta menyokong penuh manifesto BN yang lebih realistik dan praktikal daripada apa yang dikemukakan barisan alternatif.

Bagaimanapun menurut Prof Safar, rakyat juga mahukan lebih ramai anggota pembangkang di Parlimen dan ini jelas dengan kemenangan 47 calon pembangkang termasuk 28 dari Pas.

Katanya, pakatan parti pembangkang melalui barisan alternatif yang mewujudkan pertandingan satu lawan satu memberi hasil diharapkan terutama di Kelantan dan Terengganu.

Kejayaan cemerlang Pas di kedua-dua negeri itu juga menunjukkan strategi mereka yang menekankan kebahagiaan akhirat ketika berkempen berhasil. Pakatan itu memberi keuntungan kepada Pas dan membawa padah kepada DAP.

Pemimpin Pas juga sudah bekerja keras sebelum kempen pilihan raya melalui ceramah, forum dan khutbah Jumaat untuk memikat pengundi supaya memilih parti itu untuk memperjuangkan Islam.

Kekalahan beberapa tokoh DAP seperti Lim Kit Siang, Dr Chen Man Hin dan Karpal Singh menunjukkan rakyat khususnya masyarakat Cina menolak parti itu kerana matlamat perjuangannya tidak jelas dan kerjasama dengan Pas juga tidak disenangi sebahagian daripada mereka.

Menurut Prof Safar, faktor Anwar juga memberi kelebihan kepada Pas kerana ramai pengundi Melayu masih bersimpati dengan nasib beliau dan kesal dengan tindakan Dr Mahathir.

Di Kelantan pula Tengku Razaleigh Hamzah dikatakan tidak mempunyai cukup

masa untuk melaksanakan misi menawan semula negeri itu daripada Pas kerana pemimpin Pas Kelantan menjalankan kempen sungguh berkesan untuk memikat hati rakyat.

Projek pembangunan yang ditawarkan BN untuk meningkatkan taraf hidup rakyat Kelantan masih tidak dapat mempengaruhi mereka agar menyokong BN kerana soal akhirat dan Islam lebih diutamakan untuk kesejahteraan hidup mereka.

Kejayaan cemerlang BN di Sabah dan Sarawak pula jelas menunjukkan rakyat di kedua-dua negeri itu mahukan pembangunan dan mereka yakin hanya kerajaan BN dapat melaksanakannya. Mereka tidak lagi terpengaruh dengan dakwah pembangkang terutama Parti Bersatu Sabah (PBS).

Dalam pilihan raya kali ini, BN boleh berbangga kerana mencapai kejayaan 100 peratus kerusi Parlimen di Sarawak (28), Johor (20), Negeri Sembilan (tujuh), Selangor (17), Pahang (11) dan Perlis (tiga) manakala bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) BN menyapu bersih di Johor (40) dan Negeri Sembilan (32).

Bagaimanapun dalam kegembiraan mencapai kemenangan, BN tidak terlepas daripada kesedihan kerana gagal menguasai Kelantan dan Terengganu yang dimenangi Pas serta beberapa menteri Kabinet dan tokoh Umno kalah dalam pilihan raya kali ini.

Pada pilihan raya 1995 BN memperolehi 162 kerusi Parlimen daripada 192 yang dipertandingkan manakala DAP mendapat sembilan, PBS (lapan), Pas (tujuh) dan Semangat 46 (enam) serta menguasai semua kerajaan negeri kecuali Kelantan.

Apa yang amat menggembirakan ialah kejayaan Dr Mahathir dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengekalkan kerusi Parlimen masing-masing di Kubang Pasu dan Kepala Batas dalam pertandingan satu lawan satu. Dr Mahathir mengalahkan pencabarnya calon Pas, Subky Latif dengan majoriti 10,138 undi manakala Abdullah mengalahkan pencabarnya, Khalid Rasid juga dari Pas dengan kelebihan 11,175 undi.

Kejayaan itu dituruti pemimpin parti komponen BN yang lain seperti Presiden MCA, Datuk Dr Ling Liong Sik di Labis; Presiden MIC, Datuk S Samy Vellu di Sungai Siput; Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik di Beruas; Presiden Parti Pesaka Bersatu (PPB), Tan Sri Amar Taib Mahmud di Kota Samarahan dan Pengerusi Umno negeri, Datuk Seri Osu Sukam yang juga Ketua Menteri Sabah di Parlimen Papar.

BN meraih kemenangan manis kali ini dengan kejayaan calonnya mengalahkan orang kuat barisan alternatif seperti Pengerusi Kebangsaan DAP, Dr Chen Man Hin di Rasah; Timbalan Pengerusi, Karpal Singh di Jelutong; Setiausaha Agungnya, Lit Kit Siang di Bukit Bendera; Timbalan Presiden Keadilan, Prof Chandra Muzaffar di Bandar Tun Razak dan Presiden PRM, Syed Hussin Ali di PJ Selatan.

Kejayaan semua menteri besar dan ketua menteri yang bertanding di DUN kecuali Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Wan Ahmad yang tewas di DUN Chukai, mengukuhkan lagi kedudukan BN di semua negeri kecuali Kelantan dan Terengganu.

Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hasan Omar kekal di DUN Permatang; Menteri Besar Johor, Datuk Ghani Othman di Serom; Menteri Besar Perlis, Datuk Shahidan Kassim di Tambun Tulang; Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid di Kuah, Langkawi; Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad di Linggi dan Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Koh Tsu Khoo di Tanjung Bungah.

Menteri besar dan ketua menteri yang bertukar kawasan iaitu Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib yang bertanding di Pasir Salak dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Abu Zahar Ithnin di Jasin berjaya memenangi kerusi masing-masing.

Tokoh veteran Umno Tun Ghafar Baba turut meraih kejayaan di kerusi

Parlimen Batu Berendam, Melaka manakala bekas Timbalan Presiden Semangat 46, Datuk Rais Yatim berjaya di kawasan Parlimen Jelebu, Negeri Sembilan.

Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Tun Hussein mengekalkan kerusi Parlimen Tenggara, Johor manakala Ketua Wanita, Datuk Dr Siti Zaharah Suleiman berjaya di Parlimen, Paya Besar, Pahang.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob yang juga Menteri Penerangan menang di kawasan Parlimen Kuantan manakala Bendahari Umno, Tun Daim Zainuddin di Merbok.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah yang juga bekas Presiden Parti Semangat 46 adalah satu-satu tokoh BN yang berjaya mempertahankan kerusi Parlimen di Gua Musang, Kelantan.

Antara muka baru BN yang meraih kemenangan ialah Prof Datuk Mahadzir Mohd Khir, di Sungei Petani, Kedah; Zulhasnan Rafique, di Parlimen Wangsa Maju, Wilayah Persekutuan; Datuk Mohd Effendi Norwawi, di Kuala Rejang, Sarawak dan Datuk Anifah Aman di Beaufort, Sabah.

Bagi Pas pula antara tokoh yang mencapai kejayaan mengejutkan ialah Prof Shahnnon Ahmad di Sik ahli Jawatankuasa Pusat, Ismail Kamus di DUN Gombak Setia dan Datuk Dr Hassan Ali di Parlimen, Parit Buntar Perak.

Antara tokoh Keadilan yang turut kecundang ialah Setiausaha Agungnya, Annuar Tahir di Padang Besar, Perlis; Ketua Pemuda, Ezam Mohd Noor di Parlimen Shah Alam dan Naib Presiden Marina Yusof, di Wangsa Maju, Wilayah Persekutuan.

Beberapa menteri yang gagal mempertahankan kerusi masing-masing ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Othman tewas di Sik, Kedah; Menteri Perdagangan Dalam Negeri Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, di Parit, Perak; Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapha Mohamad di Jeli dan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa di Peringat, Kelantan.

(END)